

Jabatan Bendahari UKM juara keseluruhan



Bangi: Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), muncul juara keseluruhan Karnival Sukan Jabatan Bendahari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2014 selepas menundukkan tiga pencabar lain.

Pasukan itu berjaya mengetepikan saingan daripada Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Pusat Perubatan UKM (PPUKM).

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur karnival itu, Mohd Yazid Sabtu, berkata program berkenaan julung kali diadakan dengan UKM dilantik sebagai tuan rumah.

Siri jelajah

“Penganjuran karnival ini bertujuan mengeratkan silaturahim antara kaki-tangan dari semua Jabatan Bendahari IPTA.

“Antara acara dipertandingkan ialah futsal, bola jaring dan badminton. UKM menjuarai perlawanan futsal dan bola jaring, manakala badminton pula dimenangi pasukan PPUKM,” katanya.

Beliau berkata, “diharapkan penganjuran karnival itu dapat diteruskan pada tahun akan datang, selain perancangan untuk melakukan siri jelajah ke IPTA di seluruh negara.